



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# **KUPASAN MUTU JAWAPAN**

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)  
TAHUN 2021

**SEJARAH KERTAS 2  
1249/2**

**1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kod Mata Pelajaran	:	1249/2
Bentuk Ujian	:	Ujian Subjektif
Markah Penuh	:	100 Markah
Masa	:	2 Jam 30 Minit

**1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN**

Kertas 2 mengandungi 2 bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.

- Bahagian A** :
- Mengandungi 4 soalan struktur.
  - Semua soalan wajib dijawab.
  - Setiap soalan memperuntukkan 10 markah.
- Bahagian B** :
- Mengandungi 5 soalan esei.
  - Calon perlu menjawab 3 soalan sahaja.
  - Setiap soalan memperuntukkan 20 markah.

## **2.0 PRESTASI CALON**

### **2.1 PRESTASI CALON BAHAGIAN A**

#### **2.1.1 Prestasi Keseluruhan**

Secara keseluruhannya, prestasi calon berada pada tahap sederhana. Terdapat ramai calon yang masih kurang menguasai fakta sejarah menyebabkan jawapan yang diberi adalah secara umum. Selain itu, ramai calon kurang menguasai konsep dan istilah sesuatu peristiwa sejarah. Kesannya, calon gagal mengingat dan memahami konsep serta istilah tersebut menyebabkan kualiti jawapan yang dikemukakan sederhana sifatnya.

#### **2.1.2 Prestasi Mengikut Kumpulan Calon**

##### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dalam kumpulan ini mampu memberikan fakta dengan tepat berdasarkan kehendak tugas. Bagi soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), calon dapat menyatakan fakta yang tepat dengan huraian yang mendalam serta contoh yang sesuai. Malahan, calon berupaya berkomunikasi menggunakan laras bahasa yang baik dan membuat inferens yang tepat.

##### **Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon dalam kumpulan ini mampu menjawab sebahagian daripada kehendak tugas. Ramai calon cenderung menjawab berdasarkan pemikiran logik akal tanpa menghubungkan kait dengan fakta sejarah. Selain itu, calon menghuraikan fakta yang terhad dan laras bahasa yang digunakan kurang menarik.

## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

### Soalan 1 (a)

**Bahagian A**  
[40 markah]  
Jawab **semua** soalan.

- 1** Negara bangsa merujuk kepada negara berdaulat yang didiami oleh satu bangsa.  
Sumber: prpm.dbp.gov.my Kamus Bahasa Melayu
- (a) Nyatakan **dua** ciri negara bangsa di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat.
- (i) .....
- (ii) .....

Tugasan memerlukan calon menyatakan dua ciri negara bangsa di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- (a) Nyatakan **dua** ciri negara bangsa di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat.
- (i) RAJA .....
- (ii) Rakyat .....

Calon dapat menyatakan dengan tepat dua ciri negara bangsa di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

- (a) Nyatakan **dua** ciri negara bangsa di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat.
- (i) Kerajaan .....
- (ii) Rakyat .....

Calon hanya dapat menyatakan satu daripada dua ciri negara bangsa di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat. Jawapan 'kerajaan' bukan ciri negara bangsa di Alam Melayu.

### Soalan 1 (b)

(b) Jelaskan **kedua-dua** ciri negara bangsa dalam 1(a).

- (i) .....
- .....
- .....
- (ii) .....
- .....
- .....

[4 markah]

Tugasan meminta calon menjelaskan dua ciri negara bangsa dalam 1(a).

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(b) Jelaskan **kedua-dua** ciri negara bangsa dalam 1(a).

- (i) Raja merupakan pemerintah tertinggi sesebuah kerajaan. <sup>selain itu,</sup> Raja dianggap suci oleh rakyat.
- .....
- (ii) Rakyat memberikan ketaatsetiaan kepada raja. Selain itu, rakyat juga mengakui kekuasaan raja.
- .....

Calon dapat menjelaskan dua ciri raja dan rakyat dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(b) Jelaskan **kedua-dua** ciri negara bangsa dalam 1(a).

- (i) Rakyat - menunjukkan taat kesetiaan kepada pemerintah. Dan tidak menderhakai kepada raja.
- .....
- (ii) wilayah pengaruh - Tempat yang mana rakyat menerima pemerintahan.
- .....

Calon hanya mampu menjelaskan satu ciri rakyat iaitu taat setia dan satu ciri wilayah pengaruh iaitu mengakui pemerintah.

**Soalan 1 (c)**

(c) Bagaimanakah cara untuk menjadikan negara dan bangsa kita lebih cemerlang?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

Calon dikehendaki menjelaskan cara untuk menjadikan negara dan bangsa kita lebih cemerlang.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

(c) Bagaimanakah cara untuk menjadikan negara dan bangsa kita lebih cemerlang?

Cara untuk menjadikan negara dan bangsa kita lebih cemerlang ialah rakyat hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa supaya pentadbiran negara lebih sistematik. Sebagai contoh, amalan pilihan raya yang diamalkan oleh negara kita dapat memilih wakil yang bertanggungjawab menjadi pemimpin. Selain itu, pemerintah hendaklah melaksanakan undang-undang. Hal ini supaya keselamatan dan terjamin politik negara

Calon dapat mengemukakan dua cara untuk menjadikan negara dan bangsa kita lebih cemerlang. Cara tersebut dihuraikan secara mendalam berserta contoh yang relevan.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(c) Bagaimanakah cara untuk menjadikan negara dan bangsa kita lebih cemerlang?

Cara untuk menjadikan negara dan bangsa kita lebih cemerlang ialah  
mencipta satu bangsa yang bersatu padu dan mencipta masyarakat  
yang adil.

Calon hanya dapat mengemukakan dua cara, iaitu mencipta bangsa bersatu padu dan mencipta masyarakat yang adil tanpa huraian.

## Soalan 2 (a)

2 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 telah mengemukakan teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.

(a) Nyatakan **tiga** teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan tersebut.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

[3 markah]

Calon dikehendaki menyatakan tiga teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

2 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 telah mengemukakan teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.

(a) Nyatakan **tiga** teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan tersebut.

- (i) ..sistem persekolahan yang sama.....
- (ii) ..kurikulum yang seragam.....
- (iii) ..Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah.....

Calon dapat menyatakan tiga teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan dengan tepat.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

2 Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 telah mengemukakan teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan.

(a) Nyatakan **tiga** teras pembentukan sistem pendidikan kebangsaan tersebut.

- (i) ..Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.....
- (ii) ..menyeragamkan kurikulum.....
- (iii) ..sejarah sebagai subjek teras dalam pendidikan.....

Calon hanya dapat menyatakan dua daripada tiga teras sistem pendidikan kebangsaan, iaitu penggunaan bahasa Melayu dan kurikulum yang seragam. Jawapan 'sejarah sebagai subjek teras dalam pendidikan' bukan terkandung dalam Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956.



## Soalan 2 (b)

(b) Senaraikan **tiga** cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

[3 markah]

Calon dikehendaki menyenaraikan tiga cadangan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Pelajaran 1956.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(b) Senaraikan **tiga** cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut.

- (i) Sekolah umum menggunakan bahasa Melayu
- (ii) Bahasa Inggeris menjadi subjek sekolah menengah kebangsaan
- (iii) Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran wajib di semua sekolah

Calon dapat menyenaraikan tiga cadangan Jawatankuasa Pelajaran 1956 dengan tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(b) Senaraikan **tiga** cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa tersebut.

- (i) menjadikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantar di sekolah.
- (ii) penyeragaman sistem pendidikan di setiap sekolah
- (iii) menjadikan Bahasa Inggeris sebagai mata pelajaran wajib di sekolah.

Calon hanya dapat menyenaraikan dua daripada tiga cadangan Jawatankuasa Pelajaran 1956, iaitu penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan bahasa Inggeris sebagai subjek wajib di semua sekolah. Jawapan 'penyeragaman sistem pendidikan di setiap sekolah' bukan cadangan Jawatankuasa Pelajaran 1956.

## Soalan 2 (c)

- (c) Jelaskan kepentingan cadangan dalam 2(b) terhadap negara kita.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Calon dikehendaki menjelaskan kepentingan cadangan dalam Jawatankuasa Pelajaran 1956 terhadap negara kita.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- (c) Jelaskan kepentingan cadangan dalam 2(b) terhadap negara kita.

Keperluan cadangan dalam 2(b) terhadap negara kita termasuklah mewujudkan perpaduan kaum. Hal ini dikatakan demikian kerana murid dapat berinteraksi dengan murid pelbagai kaum di sekolah yang sama. Seterusnya, bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar juga memperlihatkan perpaduan kaum. Murid berbangsa Cina, India dan sebagainya menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi. Selain itu, cadangan dalam 2(b) juga mampu mengelaraskan sistem pendidikan di negara kita. Hal ini kerana, murid tidak dipisahkan dan diajar mengikut kaum mereka. Namun sebaliknya, sistem persekolahan adalah sama untuk semua murid.

Calon berjaya menjelaskan kepentingan cadangan tersebut dengan mengemukakan fakta dan huraian yang mendalam serta contoh yang tepat.

### Contoh jawapan calon prestasi sederhana

(c) Jelaskan kepentingan cadangan dalam 2(b) terhadap negara kita.

Kepentingan cadangan dalam 2b terhadap negara kita adalah dapat melahirkan golongan cerdik pandai di negara kita. Selain itu, kepentingan cadangan 2b terhadap negara kita adalah banyak anak-anak muda dapat memperoleh ilmu pengetahuan.

Calon hanya mengemukakan dua isi, iaitu 'melahirkan golongan cerdik pandai' dan 'memperoleh ilmu pengetahuan tanpa huraian'.

### Soalan 3 (a)

- 3 Institusi Raja-Raja Melayu ialah institusi tertua dan sedia wujud dalam sistem sosial di negeri Melayu.

Sumber: bharian.com.my 9 Mac 2020

- (a) Jelaskan secara ringkas sistem pemerintahan beraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

.....  
.....  
.....

[3 markah]

Calon dikehendaki menjelaskan secara ringkas sistem pemerintahan beraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- 3 Institusi Raja-Raja Melayu ialah institusi tertua dan sedia wujud dalam sistem sosial di negeri Melayu.

Sumber: bharian.com.my 9 Mac 2020

- (a) Jelaskan secara ringkas sistem pemerintahan beraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Sistem pemerintahan beraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah pertama sekali raja sebagai ketua negara. Sistem ini dimantapkan lagi dengan munculnya sistem pembesar empat lipatan iaitu bendahara, penghulu bendahari, temenggung dan laksamana.

Calon dapat menjelaskan sistem pemerintahan beraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka dengan tepat, iaitu raja sebagai ketua negara, sistem Pembesar Empat Lipatan berserta contoh.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

- 3 Institusi Raja-Raja Melayu ialah institusi tertua dan sedia wujud dalam sistem sosial di negeri Melayu.

Sumber: bharian.com.my 9 Mac 2020

- (a) Jelaskan secara ringkas sistem pemerintahan beraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Sistem pemerintahan beraja pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah sistem Pembesar Empat Lipatan. Sistem ini mengandungi Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Bendahara merupakan ketua dalam pemerintahan.

Calon hanya menjelaskan sistem Pembesar Empat Lipatan berserta contoh sahaja.

### Soalan 3 (b)

- (b) Bagaimanakah situasi sistem pemerintahan beraja di negeri-negeri Melayu pada zaman British?

.....  
.....  
.....

[3 markah]

Calon dikehendaki menjelaskan cara pelaksanaan sistem pemerintahan beraja di negeri-negeri Melayu pada zaman British.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- (b) Bagaimanakah situasi sistem pemerintahan beraja di negeri-negeri Melayu pada zaman British?

Situasi sistem pemerintahan beraja di negeri-negeri Melayu pada zaman British ialah raja-raja tidak mempunyai kuasa dalam pentadbiran. Selain itu, gabenor British menjadi ketua kerajaan. Pihak British mengartakan bahawa raja-raja perlu mendapatkan nasihat British sebelum melatukan sesuatu hal ini menyebabkan kedudukan raja-raja Melayu terjejas.

Calon dapat menjelaskan tiga situasi kedudukan raja pada zaman British, iaitu 'raja kehilangan kuasa dalam pentadbiran yang diambil alih oleh gabenor' dan 'raja perlu mendapatkan nasihat daripada British'.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

- (b) Bagaimanakah situasi sistem pemerintahan beraja di negeri-negeri Melayu pada zaman British?

Situasi pemerintahan beraja di negeri-negeri Melayu pada zaman British ialah menggunakan Sistem Raja Berpelembagaan. Majlis Raja-raja telah ditubuhkan untuk membincangkan hal di negeri-negeri Melayu.

Calon dapat menjelaskan dua situasi kedudukan raja pada zaman British, iaitu sistem Raja Berpelembagaan dan penubuhan Majlis Raja-Raja Melayu.

### Soalan 3 (c)

(c) Berikut adalah prinsip kedua Rukun Negara kita.

**Kesetiaan Kepada Raja dan Negara**

Pada pandangan anda, mengapakah perkara tersebut dijadikan prinsip Rukun Negara?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

Calon dikehendaki menjelaskan sebab “Kesetiaan Kepada Raja dan Negara” dijadikan prinsip kedua Rukun Negara.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(c) Berikut adalah prinsip kedua Rukun Negara kita.

**Kesetiaan Kepada Raja dan Negara**

Pada pandangan anda, mengapakah perkara tersebut dijadikan prinsip Rukun Negara?

Pada pandangan saya, perkara tersebut dijadikan prinsip.....  
Rukun Negara kerana dengan adanya prinsip tersebut.....  
keamanan negara dipertingkatkan disebabkan rakyat.....  
mentaati perintah Raja dan perlembagaan negara. Selain  
itu, prinsip tersebut penting supaya rakyat dapat.....  
menyemarakkan semangat patriotisme agar rakyat.....  
sanggup berkorban demi negara. Setenahya  
pinsip ini membuktikan kedaulatan sesebuah  
negara kerana rakyat tidak membelakangi  
dan mengkhianati pemimpin dan negara.

Calon dapat menjelaskan tiga fakta berserta tiga huraian sebab Kesetiaan Kepada Raja dan Negara dijadikan prinsip Rukun Negara.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(c) Berikut adalah prinsip kedua Rukun Negara kita.

#### Kesetiaan Kepada Raja dan Negara

Pada pandangan anda, mengapakah perkara tersebut dijadikan prinsip Rukun Negara?

Pada pandangan saya, perkara tersebut dijadikan sebagai prinsip rukun negara ketana menunjukkan bukti rakyat setia pada raja dan negara. Selain itu, menunjukkan bukti bahawa raja diiktiraf sebagai Ketua Agama Islam.

Calon dapat menjelaskan dua sebab Kesetiaan Kepada Raja dan Negara dijadikan prinsip Rukun Negara, iaitu 'membuktikan kesetiaan rakyat kepada raja dan negara' serta 'raja sebagai ketua agama'.

#### Soalan 4 (a)

- 4 Peta berikut menunjukkan wilayah dalam Persekutuan Malaysia yang dibentuk pada tahun 1963.



- (a) Nyatakan wilayah yang membentuk Persekutuan tersebut.

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

Tugasan meminta calon menyatakan tiga wilayah yang membentuk Persekutuan Malaysia pada tahun 1963.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- (a) Nyatakan wilayah yang membentuk Persekutuan tersebut.

- (i) Persekutuan Tanah Melayu.....
- (ii) Sabah.....
- (iii) Sarawak.....

Calon dapat menyatakan tiga wilayah yang membentuk Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 dengan tepat.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

- (a) Nyatakan wilayah yang membentuk Persekutuan tersebut.

- (i) ..Sabah.....
- (ii) ..Sarawak.....
- (iii) ..Pulau Pinang.....

Calon hanya dapat menyatakan dua wilayah yang membentuk Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, iaitu Sabah dan Sarawak sahaja.



**Soalan 4 (b)**

(b) Bagaimanakah reaksi Brunei terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

Tugasan meminta calon menjelaskan reaksi Brunei terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

(b) Bagaimanakah reaksi Brunei terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia?

Raja Brunei mengalu-alukan <sup>terhadap</sup> pembentukan Persekutuan Malaysia. Rakyat Brunei menyokong pembentukan Persekutuan Malaysia tetapi mereka menginginkan pengisytiharan kemerdekaan Brunei terlebih dahulu. A.M. Zahari menentang pembentukan Persekutuan Malaysia. Beliau berpendapat bahawa pembentukan persekutuan Malaysia merupakan satu bentuk penjajahan British.

Calon menjelaskan pelbagai reaksi Brunei terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia dengan tepat. Antaranya reaksi positif raja Brunei dan rakyat Brunei yang ingin merdeka terlebih dahulu. Terdapat juga reaksi menentang kerana beranggapan pembentukan Malaysia satu bentuk penjajahan baharu.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(b) Bagaimanakah reaksi Brunei terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia?

Pada mulanya, Brunei bersetuju akan pembentukan Persekutuan  
Malaysia. Namun begitu, Brunei kemudiannya menarik diri daripada  
bergabung menjadi gagasan Melayu. Oleh itu, Brunei telah  
menjadi satu negara yang berdaulat. Brunei menjadi satu  
negara yang berdaulat.

Calon dapat menjelaskan dua reaksi Brunei terhadap pembentukan Persekutuan Malaysia, iaitu reaksi menyokong dan akhirnya menarik diri.

**Soalan 4 (c)**

(c) “Pembentukan Malaysia bawa nikmat kepada negara”.

Sumber: bharian.com.my 16 September 2020

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tugasan meminta calon membuktikan pernyataan “Pembentukan Malaysia bawa nikmat kepada negara”.

**Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi**

(c) “Pembentukan Malaysia bawa nikmat kepada negara”.

Sumber: bharian.com.my 16 September 2020

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

Pembentukan Malaysia mampu membangunkan ekonomi negara. Hal ini dikatakan demikian kerana penggabungan wilayah dapat membuka pasaran yang lebih luas dan memperbanyakkan peluang pekerjaan. Dengan itu ekonomi negara dapat berkembang pesat. Seterusnya, pertahanan negara dapat diperkukuhkan. Penyatuan wilayah membolehkan pasukan keselamatan negara, menbendung ancaman anasir luar di wilayah. Dalam hal ini, pasukan keselamatan juga bertambah dan pertahanan negara diperkukuh.

Calon dapat membuktikan pernyataan “Pembentukan Malaysia bawa nikmat kepada negara” dengan mengemukakan isi yang diuraikan secara terperinci. Antaranya ialah isi pembangunan ekonomi dan pertahanan diperkukuhkan.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(c) "Pembentukan Malaysia bawa nikmat kepada negara".

Sumber: bharian.com.my 16 September 2020

Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.

"Pembentukan Malaysia bawa nikmat kepada negara"  
ialah Malaysia sangat maju jaya kerana dengan  
kerjasama mereka, kesannya rakyat Malaysia akan  
hidup harmoni jika mengikut undang-undang  
yang diberi.

Calon dapat mengemukakan dua bukti pernyataan "Pembentukan Malaysia bawa nikmat kepada negara", iaitu negara menjadi maju dan rakyat hidup secara harmoni tanpa memberikan huraian.

## 2.3 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN A

### 2.3.1 Calon

- a) Semua tema dan tajuk yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran perlu dikuasai oleh calon. Buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 mestilah menjadi rujukan utama calon.
- b) Calon perlu merujuk bahan tambahan lain berkaitan topik buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- c) Calon boleh membuat rujukan tambahan melalui kod QR dan info grafik serta latihan yang disediakan dalam buku teks Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 KSSM.
- d) Bahan-bahan lain perlu juga dirujuk oleh calon untuk menambahkan pengetahuan sejarah mereka terutamanya untuk menjawab soalan-soalan KBAT.
- e) Bagi meningkatkan kemahiran menjawab, calon perlu memperbanyakkan latihan. Contohnya, menggunakan koleksi soalan-soalan percubaan negeri.
- f) Calon perlu meneliti dan memahami semua kata tugas dalam soalan sebelum memilih soalan yang hendak dijawab. Pengetahuan berkaitan teknik menjawab soalan-soalan Kertas 2 seperti memahami kata tugas dan kehendak soalan juga perlu dikuasai oleh calon.
- g) Calon perlulah terlebih dahulu menyenaraikan isi ringkas atau menyediakan rangka jawapan sebelum menjawab sesuatu soalan. Rangka jawapan dapat membantu calon menguruskan masa dengan betul agar tidak berlaku pembaziran masa.

### 2.3.2 Guru

- a) Pengajaran dan pembelajaran perlu meliputi Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Guru perlu memastikan murid menguasai setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah KSSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- b) Murid perlu didedahkan dengan cara menjawab soalan yang betul dan tepat.
- c) Guru mestilah memastikan murid tidak menjawab soalan dalam bentuk 'point form' kerana soalan Bahagian A merupakan soalan berbentuk respon terhad. Soalan yang kata tugasnya meminta calon menyenaraikan atau menamakan boleh dijawab tanpa perlu ayat yang lengkap.
- d) Guru hendaklah merancang pengajaran dan pembelajaran (PdP) terutamanya menyelesaikan sukatan mata pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latih tubi dapat dilaksanakan dengan berkesan.
- e) Guru mestilah mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid dan tidak berpusatkan guru. Guru perlu mengenal pasti kelemahan murid supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki lebih awal di samping mempertingkatkan prestasi mereka dengan kaedah PdP yang menarik.

## **2.4 PRESTASI CALON BAHAGIAN B**

### **2.4.1 Prestasi Keseluruhan**

Secara keseluruhannya, prestasi calon di Bahagian B berada pada tahap sederhana. Sebahagian besar calon masih kurang menguasai fakta sejarah. Hal ini menyebabkan jawapan yang diberi secara umum sahaja. Selain itu, masih ramai calon yang kurang menguasai konsep dan istilah sesuatu peristiwa sejarah. Kesannya, jawapan yang memerlukan calon menyatakan konsep sesuatu peristiwa sejarah tidak mampu dijawab secara berkesan.

### **2.4.2 Prestasi Mengikut Kumpulan Calon**

#### **Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon dalam kumpulan ini berupaya menyatakan dan menjelaskan fakta dengan tepat berdasarkan kehendak tugas. Sebahagian besar calon dalam kumpulan ini mampu mengingat fakta dan boleh menghuraikan fakta tersebut dengan baik. Bagi soalan KBAT pula, calon dalam kumpulan ini dapat menyatakan fakta yang mencukupi dan terdapat juga calon yang mampu menghuraikan fakta tersebut dengan mendalam berserta contoh yang sesuai. Majoriti calon dalam kumpulan ini mempunyai penguasaan bahasa yang sangat baik. Justeru itu, calon berupaya menghuraikan setiap fakta dengan terperinci dan berkesan.

#### **Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon dalam kumpulan ini hanya mampu memberikan sebahagian sahaja daripada kehendak tugas. Hal ini bermaksud terdapat beberapa fakta yang mampu diingat oleh calon namun fakta tersebut tidak dihuraikan dengan mendalam. Ramai juga calon yang cenderung menjawab berdasarkan logik semata-mata. Laras bahasa yang digunakan juga kurang memuaskan. Hal ini menyebabkan cara mereka memberi hujah dan alasan serta mengemukakan bukti kurang berkesan.

## 2.5 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

### Soalan 5 (a)

- 5 Pentadbiran Tentera British (British Military Administration atau BMA) dilaksanakan antara akhir Perang Dunia Kedua dengan Penubuhan Malayan Union.

Sumber: [www.malaysia.gov.my](http://www.malaysia.gov.my)

- (a) Mengapakah British melaksanakan BMA di Tanah Melayu?

Calon dikehendaki menjelaskan sebab British melaksanakan BMA di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

5(a) BMA dilaksanakan untuk mengembalikan keamanan Tanah Melayu. BMA dipertanggungjawabkan agar membatalkan kes jenayah, kongsi gelap dan konflik perkecuan di Tanah Melayu. Selain itu, BMA dilaksanakan untuk mengembalikan kepercayaan penduduk Tanah Melayu terhadap pihak British. Penjajahan Jepun telah mendatangkan penderitaan dan kesengsaraan kepada penduduk Tanah Melayu. BMA perlu memulihkan kemusnahan tersebut agar mendapat sokongan penduduk tempatan terhadap British.

Calon dapat menjelaskan empat sebab British melaksanakan BMA di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua. Antara fakta yang dikemukakan termasuk mengembalikan keamanan, kepercayaan rakyat, menyelesaikan masalah jenayah dan memperbaiki infrastruktur.



## Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

Soalan 5

(a) British melaksanakan BMA di Tanah Melayu kerana ingin mengembalikan kestabilan dan memulihkan kepercayaan rakyat. Selain itu, British juga memulihkan kerosakan infrastruktur akibat bencana peperangan. Dengan itu, British membubarkan Pasukan MPAJA pada 1 Disember 1945. Namun, semua kegiatan British melaksanakan BMA gagal.

Calon hanya dapat menjelaskan dua sebab British melaksanakan BMA di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua, iaitu membangunkan semula ekonomi dan mengekalkan kestabilan negara.

### Soalan 5 (b) (i)

(b) BMA telah digantikan dengan Malayan Union.

(i) Mengapakah orang Melayu menentang Malayan Union?

Calon dikehendaki menjelaskan sebab orang Melayu menentang Malayan Union.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

5(b) i. Orang Melayu menentang Malayan Union kerana mereka menolak syarat kewarganegaraan jus soli. Selain itu, pembentukan Malayan Union telah mengusur kuasa dan kedaulatan Raja-raja Melayu. Selanjutnya, tamadun Melayu juga terancam, iaitu budaya dan adat resam Melayu. Tambahan pula, kedudukan istimewa orang Melayu juga terjejas.

Calon dapat menjelaskan empat sebab orang Melayu menentang Malayan Union. Antaranya kewarganegaraan jus soli, kehilangan kuasa raja, mengancam tamadun Melayu dan keistimewaan orang Melayu terganggu.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

6ji) Orang Melayu menentang Malayan Union kerana tidak ada perpaduan di antara kaum. Selain itu, tidak mengelakkan ekonomi negara kerana Malayan Union memberi tumpuan kepada peperangan. Seterusnya, tidak memberikan keamanan terhadap rakyat.

Calon hanya dapat menjelaskan dua sebab orang Melayu menentang Malayan Union seperti keistimewaan orang Melayu terganggu dan kewarganegaraan jus soli.

### Soalan 5 (b) (ii)

(ii) Bagaimanakah penentangan terhadap Malayan Union dilakukan?

Calon dikehendaki menjelaskan cara penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

5(b) ii. Penentangan terhadap Malayan Union dilakukan oleh Raja-Raja Melayu dan rakyat tempatan. Raja-Raja Melayu telah membawa kes ini ke Mahkamah Tinggi England. Sultan

Perak, Sultan Kedah dan Sultan Johor telah mengemukakan kes Malayan Union di Mahkamah Tinggi England di London. Selain itu, surat bantahan diutuskan juga dengan mendakwa ~~sultan~~ baginda sultan didesak dan diingut oleh MacMichael semasa menandatangani perjanjian persetujuan Malayan Union. Selanjutnya, Permaisuri Perak menyetujui perarakan kaum wanita untuk menentang Malayan Union. Upacara pelantikan Gabenor Malayan Union dipulaukan dan diboikot. Tambahan pula, rakyat tempatan menentang Malayan Union melalui akhbar Melayu. Misalnya, Majlis dan Utusan Melayu. Terdapat golongan cendekiawan seperti tokoh bangsawan dan tokoh wanita yang menentang Malayan Union. Kongres Melayu diadakan oleh UMNO secara besar-besaran untuk menentang Malayan Union.

Calon dapat menjelaskan cara penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union secara terperinci. Antaranya membawa kes ke mahkamah, menghantar surat bantahan, Permaisuri Perak menyetujui perarakan kaum wanita dan memulaukan pelantikan gabenor.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

ii) Penentangan terhadap Malayan Union dilakukan ialah membentuk perpaduan di seluruh Tanah Melayu. Selain itu, menyatu paduan di antara kaum supaya hidup kekal harmoni. Seterusnya, mengambil berat terhadap rakyat agar hidup dengan sejahtera.

Calon hanya dapat menjelaskan dua cara penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union, iaitu membawa kes ke mahkamah dan penentangan golongan cendekiawan.

### Soalan 5 (c)

- (c) Huraikan pengajaran atau iktibar yang berkaitan dengan peristiwa di 5(a) dan 5(b).

Calon dikehendaki menghuraikan pengajaran atau iktibar daripada peristiwa Pentadbiran Tentera British, pentadbiran Malayan Union serta sebab dan cara penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

5(c) Pengajaran dan iktibar yang dipelajari termasuklah kita seharusnya sentiasa bekerjasama mempertahankan kebudayaan bangsa. Hal ini kerana budaya dan adat resam merupakan warisan bangsa kita sejak zaman nenek moyang. Sebagai pewaris dan generasi muda, kita memiliki tanggungjawab untuk memelihara keunikan dan keistimewaan bangsa kita yang melambungkan jati diri

kita sebagai bangsa Malaysia. Budaya bangsa merupakan simbol kedaulatan negara kita juga. Oleh itu, kita patut mengelakkan pengaruh kuasa asing yang akan mengancam budaya tempatan. Misalnya, pembentukan Malayan Union telah mengugat kedaulatan Raja-Raja Melayu dan adat resam Melayu seperti bahasa Melayu dan tulisan Jawi. Kesimpulannya, kita wajarlah memperkukuh budaya bangsa agar tidak pupus ditelan zaman.

Selanjutnya, peristiwa tersebut juga memberikan pengajaran dan iktibar agar kita berganding ~~bata~~ bahu mempertahankan kemerdekaan tanah air. Kita sebagai rakyat Malaysia yang patriotisme semestinya mempertahankan negara kita daripada sebarang ancaman asing luar.

Tamzilnya, penjajahan atau campur tangan kuasa Barat dalam hal ehwal pentadbiran negara kita. Dengan itu, kestabilan politik dapat diwujudkan dan urusan tadbir negara berjalan lancar dan berkesan. Oleh itu, kita perlulah mengekalkan kuasa pemerintahan berkerajaan sendiri negara kita agar bebas daripada sebarang kurungan atau neungan. Natiujahnya, kita haruslah mempertahankan kemerdekaan negara supaya tidak dijajah oleh negara lain.

Calon dapat menghuraikan pengajaran atau iktibar daripada peristiwa Pentadbiran Tentera British, pentadbiran Malayan Union serta sebab dan cara penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union dengan terperinci. Fakta dihuraikan secara mendalam dan menunjukkan kematangan calon. Selain itu, calon memberikan contoh yang relevan serta membuat inferens yang tepat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

e) Iktibar yang boleh kita pelajari dari peristiwa berikut ialah kita mestilah berusaha secara bersungguh-sungguh dalam mempertahankan negara dari cengkaman negara asing supaya negara sentiasa aman dan makmur. Seterusnya, kita hendaklah tekun dalam pembelajaran supaya kita mudah mengedari sifat tersembunyi kuasa luar yang ingin menguasai negara kita pada masa yang akan datang.

Calon dapat memberikan dua fakta dan huraian pengajaran atau iktibar daripada peristiwa Pentadbiran Tentera British dan pentadbiran Malayan Union. Contohnya, 'berusaha mempertahankan negara' dan 'tekun dalam pembelajaran supaya menyedari sifat tersembunyi kuasa luar'.

### Soalan 6 (a)

- 6 Sejarah keganasan komunis ibarat parut luka besar dalam sejarah Malaysia.  
Sumber ubahsuai: sinarharian.com.my 3 Disember 2019

(a) Mengapakah sejarah keganasan komunis diibaratkan seperti dalam pernyataan di atas?

Gunakan pengetahuan sejarah anda.

Calon dikehendaki menggunakan pengetahuan sejarah masing-masing untuk menjelaskan pernyataan "Sejarah keganasan komunis ibarat parut luka besar dalam sejarah Malaysia".

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(a) Sejarah keganasan komunis diibaratkan seperti dalam pernyataan di atas kerana keganasan komunis telah melumpuhkan ekonomi negara. Selain itu, keganasan komunis menyebabkan hubungan antara rakyat semakin renggang kerana darurat yang diisytiharkan menyebabkan mereka sukar berinteraksi antara satu sama lain. Seterusnya, keganasan komunis menyebabkan tamai nyawa terkorban. Akhir sekali, keganasan komunis menyebabkan kemusnahan harta benda sehingga membawa kerugian yang besar kepada negara.

Calon dapat menjelaskan empat sebab sejarah keganasan komunis diibaratkan seperti pernyataan tersebut. Antaranya adalah menjejaskan ekonomi, merosakkan hubungan antara kaum dan menyebabkan ramai yang terbunuh serta memusnahkan harta benda.



### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

a) Berdasarkan pengetahuan sejarah saya, sejarah keganasan komunis diibaratkan seperti pernyataan di atas kerana kedatangan Komunis telah membunuh ramai anak bangsa negara dan disebabkan oleh perkara itu, banyak nyawa anak bangsa telah terkorban akibat keganasan anggota Parti Komunis Malaya (PKM). Selain itu keganasan Komunis diibaratkan seperti pernyataan di atas kerana kedatangan Komunis yang menentang kemajuan, menyebabkan ekonomi dan sosiodolitik berada dalam keadaan tidak terkawal disebabkan oleh keganasan Parti Komunis Malaya (PKM).

Calon dapat menjelaskan dua sebab sejarah keganasan komunis diibaratkan seperti pernyataan tersebut, iaitu membunuh ramai rakyat dan menjejaskan ekonomi.

### Soalan 6 (b)

(b) Bagaimanakah kerajaan mengatasi ancaman komunis semasa zaman darurat?

Calon dikehendaki menerangkan usaha kerajaan mengatasi ancaman komunis semasa zaman darurat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(b). Kerajaan mengatasi ancaman komunis semasa zaman darurat dengan pemerkasaan pasukan keselamatan. Terdapat beberapa pertubuhan seperti Sarawak Rangers dan Polis Hutan bertindak menjaga dan mengawal keselamatan penduduk. Selain itu, kerajaan melaksanakan Rancangan Briggs iaitu memutuskan hubungan oleh P.K.M dan Min Yuei. Setenahnya, kerajaan menggunakan sistem kad pengenalan yang bertujuan mengenali parti penduduk Tanah Melayu dan mengekalkan perisikan oleh komunis. Di samping itu, kerajaan melaksanakan perang saraf yang mengandungi rancangan mengatasi komunis. Antaranya ialah kerajaan memperkenalkan kawasan hitam putih untuk memberitahu penduduk kawasan yang bebas daripada komunis dan kawasan di mana komunis sedang bergiat aktif. Selain itu, Templer dan isterinya telah membuat lawatan ke kawasan penduduk untuk mendapat sokongan dan menyatakan hasrat sebenar komunis. Akhir sekali, kerajaan menangkap dan menghukum bunuh kepada sesiapa yang terlibat dengan komunis dan menyimpan senjata.

Calon dapat menjelaskan usaha kerajaan mengatasi ancaman komunis semasa zaman darurat dengan menyatakan lapan isi berserta huraian.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(b) Kerajaan mengatasi ancaman komunis semasa darurat dengan memperketatkan kawalan keselamatan. Hal ini bertujuan untuk mengelakkan daripada komunis berjaya menceroboh kawasan-kawasan tersebut. Oleh itu, keamanan rakyat akan lebih terjamin. Selain itu, kerajaan juga sentiasa menyalurkan bahan makanan kepada penduduk. Hal ini kerana semua penduduk tidak dibenarkan untuk keluar dari rumah sewaktu darurat telah diisytiharkan. Hal ini dapat mengelakkan rakyat daripada mengalami keburluan. Akhir sekali, kerajaan melontarkan notis daripada udara ke kawasan-kawasan hutan. Hal ini kerana kawasan hutan merupakan tempat kediaman komunis. Notis itu bertujuan untuk berharap bahawa komunis akan berundur dan mereka diberi keampunan tanpa sebarang hukuman.

Calon dapat menjelaskan lima usaha kerajaan mengatasi ancaman komunis semasa zaman darurat. Antaranya adalah memperkasakan kawalan keselamatan, melaksanakan perintah berkurung, mengisytiharkan darurat, mengedarkan risalah dari udara dan menawarkan program pengampunan.

### Soalan 6 (c)

- (c) Pada pendapat anda, mengapakah Parti Komunis Malaya (PKM) bersungguh-sungguh untuk menguasai Tanah Melayu dan British pula bersungguh-sungguh mempertahankan Tanah Melayu daripada dikuasai oleh PKM?

Tugasan meminta calon memberikan pandangan mengapa Parti Komunis Malaya (PKM) bersungguh-sungguh untuk menguasai Tanah Melayu dan sebab British berusaha bersungguh-sungguh mempertahankan Tanah Melayu daripada dikuasai oleh PKM.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

- (c) Pada pendapat saya, PKM bersungguh-sungguh untuk menguasai Tanah Melayu adalah kerana ingin menghalau kuasa British daripada terus menjajah Tanah Melayu kerana menentang penjajahan kuasa luar. Selain itu, PKM ingin menjadikan Tanah Melayu sebagai pentadbiran berasaskan ajaran komunis iaitu hak kerajaan lebih penting berbanding rakyat. Manakala, British pula bersungguh-sungguh mempertahankan Tanah Melayu daripada dikuasai PKM adalah disebabkan oleh kedudukan Tanah Melayu yang strategik. Ini kerana pelabuhan akan menjinjak ke Tanah Melayu untuk berdagang. Dengan ini, British boleh mengaut keuntungan daripada pelaksanaan cukai. Selain itu, Tanah Melayu kaya dengan pelbagai sumber bahan mentah. Hal ini menyebabkan British ingin menguasai bahan mentah seperti Biji Timah untuk dijual dan diproses untuk perindustrian mereka bergal.

Calon dapat mengemukakan fakta berserta huraian yang relevan mengikut kehendak tugasan. Calon menjelaskan sebab komunis bersungguh-sungguh menguasai Tanah Melayu kerana ingin menghalau British dan menubuhkan kerajaan berasaskan fahaman komunis. Calon juga mengemukakan sebab British bersungguh-sungguh mempertahankan Tanah Melayu kerana kedudukan Tanah Melayu yang strategik untuk perdagangan dan mempunyai banyak bahan mentah.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

c.) Pada pendapat saya, parti komunis Melayu (PKM) bersungguh-sungguh untuk menguasai Tanah Melayu kerana Tanah Melayu mampu mengeluarkan hasil bumi yang lumayan. Contohnya, lada, sawit kelapa sawit, getah dan emas. Hal berikut merupakan perkara yang pertama yang menyebabkan parti komunis Melayu (PKM) bersungguh-sungguh untuk menguasai Tanah Melayu. Dengan cara itu, PKM boleh mengaut keuntungan dan kekayaan dengan cara yang mudah. Seterusnya, sebab mengapa PKM bersungguh-sungguh untuk menguasai Tanah Melayu kerana Tanah Melayu mempunyai kawasan yang strategik. Hal ini dikatakan demikian kerana Tanah Melayu tidak mempunyai banyak kawasan peramunahan. Dengan itu, hal ini mudah bagi PKM untuk membina kawasan pembanciran di Tanah Melayu. Pada pendapat saya pula, sebab British bersungguh-sungguh mempertahankan Tanah Melayu daripada dikuasi oleh PKM kerana British ingin memajukan Tanah Melayu. Seterusnya, British pula ingin mempertahankan hak orang Melayu dari dikuasi oleh orang PKM. Oleh itu, British bersungguh-sungguh untuk mempertahankan Tanah Melayu kerana British tidak ingin orang Melayu dijadikan hamba atau pekerja buruh oleh PKM.

Calon dapat mengemukakan fakta berserta huraian yang relevan tetapi hanya menjelaskan usaha PKM sahaja. Antara usaha tersebut ialah kekayaan hasil bumi dan kedudukan strategik. Manakala penerangan calon mengenai usaha British mempertahankan Tanah Melayu terpesong daripada kehendak tugas.

### Soalan 7 (a)

7 (a) Apakah yang anda faham dengan konsep kedaulatan?

Calon dikehendaki menjelaskan konsep kedaulatan.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(a) Konsep kedaulatan ialah hak dan kebebasan sesebuah kerajaan untuk mentadbir kerajaan sendiri. Kerajaan tersebut mentadbir tanpa campur tangan kuasa luar. Selain itu, berasal dari perkataan ~~sep~~ *superanus* yang membawa maksud kuasa tertinggi sesebuah kerajaan. Seterusnya, berasal daripada bahasa arab iaitu *daulah*. Berasal daripada bahasa Inggeris *Sovereignty*.

Calon dapat menjelaskan konsep kedaulatan daripada aspek takrifan kedaulatan dan dari aspek bahasa dengan tepat.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(a) Konsep kedaulatan bermaksud kuasa tertinggi bagi sesebuah pentadbiran. Konsep raja berpelembagaan merupakan konsep kedaulatan. Hal ini kerana raja merupakan kuasa tertinggi dalam sistem pentadbiran pada masa kini. Oleh itu, rakyat Malaysia perlulah mengekalkan kedaulatan dengan mentaati perintah raja dan ketua.

Calon hanya dapat menjelaskan konsep kedaulatan daripada aspek takrifan kedaulatan sahaja.

## Soalan 7 (b)

(b) Jelaskan ciri-ciri negara yang berdaulat.

Calon dikehendaki menjelaskan ciri-ciri negara berdaulat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

b) Ciri-ciri negara berdaulat ialah mempunyai pemerintahan Negara kita mengamalkan pemerintahan Raja berpelembagaan dan Demokrasi Berparlimen Negara diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong (YDPA) dan kerajaan oleh Perdana Menteri. Selain itu, mempunyai sempadan Negara kita berkongsi sempadan dengan Indonesia, Thailand, Brunei, Filipina dan Singapura. Sempadan negara untuk memudahkan pemerintahan. Setiap negara berdaulat mesti ada sempadan negara atau negeri. Seterusnya, mempunyai perundangan Undang-undang menjadi teras pembentukan Undang-undang negara kita undang-undang menjadikan negara maju dari berdaulat. digubal oleh Parlimen <sup>semboyan pada</sup> Aman Kesultanan Melayu Melaka, terdapat undang-undang Laut Melaka dan Hukum Kanu Melaka yang menjadi faktor kemahsyulannya.

Undang-undang perlu dipatuhi oleh semua rakyat agar kes jenayah akan berkurangan dan negara aman. Akhir sekali, mempunyai rakyat. Rakyat hendaklah memberikan taat setia kepada pemerintah. Rakyat hendaklah menaikuti segala arahan pemerintah. Rakyat tidak boleh menderhaka. Kedaulatan dapat dijaga dengan cara rakyat hendaklah mempertahankan negara jika diserang oleh musuh sebagai tanda sayang dan cinta akan negara.

Calon dapat menjelaskan empat ciri negara berdaulat dengan huraian yang lengkap, iaitu mempunyai sistem pemerintahan, perundangan, sempadan dan rakyat.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

b) ciri-ciri negara yang berdaulat adalah.....  
negara yang mempunyai pemerintah. Selain itu, negara yang  
mempunyai undang-undang yang teratur. Seterusnya, negara  
yang mempunyai sempadan.

Bukan itu sahaja, ciri-ciri negara yang berdaulat  
merupakan, negara yang mempunyai perpaduan. Dan juga  
mempunyai rakyat yang setia kepada raja dan negara.

Calon hanya dapat menjelaskan empat ciri negara berdaulat, iaitu mempunyai sistem pemerintahan, perundangan, sempadan dan rakyat tanpa huraian.



**Soalan 7 (c)**

(c) Teliti poster berikut.



Sumber: [www.penerangan.gov.my](http://www.penerangan.gov.my)

Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.

Calon dikehendaki menghuraikan mesej yang terkandung dalam poster yang diberi.

## Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(c) Mesej di dalam poster itu menyatakan bahawa kita sebagai rakyat perlulah bersatu padu dalam menjamin keamanan negara kita. Hal ini kerana rakyat merupakan lambang terbaik kebertesanan sesebuah pentadbiran. Sekiranya, rakyat hidup secara berpuak-puak atau perkauman, hal ini semestinya akan menjejaskan negara sekiranya berulung kembali sejarah rusuhan kaum. Oleh itu, semua warga perlulah mempunyai sifat perpaduan dalam diri bagi menjamin kedaulatan negara. Selain itu, rakyat sewajarnya tidak membawa sesuatu lambang negatif yang boleh menjejaskan kemajuan rakyat dan negara. Hal ini mampu untuk melindungi negara kita antara kita daripada berlakunya perselisihan fahaman akibat isu-isu sensitif yang ditayangkan. Sebagai contoh mematai patahan yang berunsur hinaan terutamanya dalam kalangan politik. Hal ini akan membimbangkan pihak pentadbiran bagi menyelesaikan masalah ini sekiranya tidak dapat dibendung sekaligus akan menjejaskan kemajuan ekonomi negara dan imej negara akan terjejas.

Calon berjaya menghuraikan mesej di dalam poster yang diberi dengan huraian yang terperinci dan mendalam. Calon juga dapat mencungkil idea tersurat dan tersirat yang menampakkan kematangan jawapan calon.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

( ) Mesej yang terkandung dalam poster tersebut ialah  
kita hendaklah pertahankan kedaulatan agar dapat  
mengstabilkan politik di negara kita. Selain itu dapat  
memajukan ekonomi negara kita rakyat juga hidup  
senang dan dapat membasmi kemiskinan. Masyarakat  
pula dapat berkerjasama dalam mempertahankan kedaulatan  
negara. Kesimpulannya Jangantah kita membawa sentimen  
negatif yang boleh menjejaskan kemajuan dan kemakmuran  
bersama.

Calon berjaya menghuraikan dua mesej di dalam poster yang diberi. Antaranya ialah mesej berkaitan mempertahankan kedaulatan negara disertakan dengan huraian. Sementara mesej yang kedua, iaitu sentimen negatif dinyatakan tanpa huraian.

### Soalan 8 (a)

(a) Jelaskan latar belakang pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Calon dikehendaki menjelaskan latar belakang pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(a) Pembentukan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan selama 20 tahun sejak 1970 sehinggalah 1990. DEB digerakkan oleh MAPEN. MAPEN terdiri daripada pelbagai kaum DEB dibentukkan adalah untuk membasmi kemiskinan dengan membuka peluang pekerjaan baharu serta menyusur semula masyarakat dan menghapuskan pengenal masyarakat melalui konsep fungsi ekonomi.

Calon dapat menjelaskan latar belakang pembentukan DEB dengan tepat. Antaranya DEB dilaksanakan selama 20 tahun, hasil perbincangan MAPEN, bertujuan membasmi kemiskinan dan menghapuskan pengenal ekonomi mengikut kaum.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(a) Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) telah menubuhkan MAPEN. MAPEN melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB adalah untuk membasmi kemiskinan rakyat. Selain itu, DEB bermatlamat meningkatkan pendapatan rakyat. Seterusnya, DEB ingin memperbaiki taraf hidup penduduk. DEB diketuai oleh Tun Abdul Razak Hussein.

Calon hanya dapat menjelaskan dua fakta berkaitan latar belakang pembentukan DEB. Antaranya hasil perbincangan MAPEN dan membasmi kemiskinan.

### Soalan 8 (b)

(b) Huraikan langkah kerajaan untuk mencapai matlamat DEB sehingga tahun 1990.

Calon dikehendaki menghuraikan langkah kerajaan untuk mencapai matlamat DEB sehingga tahun 1990.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(b) Langkah kerajaan termasuklah memajukan kawasan bandar dan luar bandar. Di kawasan bandar, infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik disediakan. Di kawasan luar bandar pula, tanah dilerok dan peralatan pertanian serta baja dan benih tanam disediakan. Selain itu, kerajaan melaksanakan Buku Hijau, iaitu peneutralan tanah bagi projek pensnsman atau penternakan. Di samping itu, kerajaan menambah milik modal saham bumiputera. Agensi Saham Bumiputera ditubuhkan. Tambahan pula, industri kecil dan sederhana (IKS) diwujudkan. Dalam IKS, terdapat kraf tangan, makanan, pakaian dan inap desa. Banyak usahawan muda muncul dengan adanya IKS.

Seterusnya, kerajaan melancarkan tenaga kerja mehir. Subjek Kemahiran Hidup di sekolah dan juga sekolah teknikal serta vokasional disediakan.

Calon dapat menghuraikan langkah kerajaan untuk mencapai matlamat DEB sehingga tahun 1990 dengan mengemukakan fakta dan huraian yang relevan.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

b) Langkah kerajaan untuk mencapai matlamat DEB ialah membasmi kemiskinan. Selain itu menyusun semula masyarakat baru dan menaikkan taraf kehidupan seharian. Seterusnya meningkatkan peluang pekerjaan untuk mengelak pengangguran. Bukan itu sahaja, DEB juga menyediakan rumah bagi orang kurang mampu."

Calon dapat menyatakan fakta berkaitan langkah kerajaan untuk mencapai matlamat DEB sehingga tahun 1990 tanpa huraian.

### Soalan 8 (c)

(c) Baca maklumat dalam petikan berikut.

KUALA LUMPUR: Isu ketidakseimbangan pembangunan negeri dan wilayah serta kawasan bandar dengan pedalaman, antara perkara utama dalam perhatian kerajaan untuk ditangani bagi mewujudkan kemakmuran bersama dalam kalangan rakyat.

Kedah, Perlis, Kelantan, Sabah dan Sarawak yang dikategorikan negeri miskin, jauh ketinggalan berbanding pembangunan di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Begitu juga dengan jurang pendapatan golongan kaya dengan miskin serta di bandar dan di luar bandar yang semakin melebar walaupun isi rumah berada dalam kedudukan lebih baik.

Unjuran pendapatan antara kaum juga dilihat semakin melebar dengan jumlah pendapatan Bumiputera adalah 3.5 kali ganda lebih rendah berbanding kaum Cina.

Sumber: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/09>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara sekiranya tidak diatasi.

Calon dikehendaki menjelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan kesan terhadap negara sekiranya tidak diatasi.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(c) Maklumat di atas menjelaskan masalah yang berkaitan dengan isu ketidakseimbangan pembangunan negeri dengan wilayah, kawasan pedalaman dan ketidakseimbangan pembangunan negeri Kedah, Perlis, Kelantan, Sabah dan Sarawak yang ketinggalan serta jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin di kawasan bandar dan luar bandar. Kesan daripada isu-isu yang dikemukakan jika tidak diatasi amat buruk buat negara. Antaranya negara tidak akan capai kemajuan kerana berlakunya ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri. Hal ini kerana negeri-negeri yang maju semakin

berkembang dan menyebabkan jurang besar terhadap pembangunan negeri yang kurang maju. Contohnya, Negeri Selangor mempunyai pembangunan infrastruktur yang jauh lebih lumayan berbanding Negeri Perlis. Kesannya, berlaku ketidakadilan kepada penduduk negeri lain tidak dapat merasai kelebihan yang terdapat di negeri yang maju. Kemampuannya kegiatan ekonomi juga di negeri yang maju.

berbeza di negeri yang mundur. Selain itu, rakyat yang berada di negeri yang kurang maju atau berada di kawasan luar bandar menjangka pendapatan kurang daripada rakyat yang berada di bandar. Hal ini kerana di kawasan bandar terdapat pelbagai sektor pekerjaan yang mampu menghasilkan pendapatan untuk sara hidup rakyat. Contohnya, pekerjaan seperti pegawai kerajaan dan sebagainya. Kesannya, rakyat di bandar dapat peroleh pendapatan dengan lebih mudah berbanding rakyat luar bandar. Kemampuannya, berlakunya kadar kemiskinan bagi rakyat luar bandar kerana menahan kepentingan sara hidup akibat kekurangan dari segi pendapatan.

Calon dapat menjelaskan tiga maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan sembilan kesan terhadap negara sekiranya isu dalam petikan tersebut tidak diatasi.



### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(c) Maklumat yang terkandung di dalam berita tersebut menjabarkan bahawa pembangunan negeri dan wilayah serta kawasan bandar dan pedalaman menjadi isu utama yang diperhatikan oleh rakyat. Selain itu, ia juga menjelaskan bahawa negeri Kedah, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak merupakan negeri-negeri yang miskin berbanding Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor yang mempunyai syarat sektor pembangunan yang lebih baik. Selain itu, ia juga dapat mewujudkan banyak ahli yang menganggur. Oleh itu, sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, pihak kerajaan perlu menambatkan lagi sektor pembangunan atau perindustrian supaya ekonomi negara menjadi stabil dan kebajikan rakyat terjamin.

Calon dapat menjelaskan dua maklumat dan dua kesan terhadap negara sekiranya isu tersebut tidak diatasi. Antara kesan yang dinyatakan ialah ekonomi negara akan terjejas dan masalah pengangguran.

### Soalan 9 (a)

- 9 Hubungan luar di negara ini bermula sejak zaman kerajaan Melayu lagi dan semakin jelas ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(a) Jelaskan hubungan luar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Calon dikehendaki menjelaskan hubungan luar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(a) Hubungan luar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah hubungan yang wujud ialah hubungan perdagangan. Hal ini dijalankan melalui penghantaran utusan. Kesultanan Melayu Melaka menjalankan hubungan perdagangan dengan China, Siam, Turki dan negara lain-lain. Hubungan luar yang kedua ialah hubungan diplomatik. Kesultanan Melayu Melaka menjalankan hubungan diplomatik dengan China, Mesir, Parsi dan negara lain-lain.

Calon dapat menjelaskan dua bentuk hubungan luar berserta contoh pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, iaitu hubungan perdagangan dan hubungan diplomatik.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(a)  
Hubungan luar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah menjalankan hubungan baik dengan kerajaan luar. Sebagai contoh Kesultanan Melayu Melaka menjalankan hubungan baik dengan Dinasti Ming sehingga Dinasti Ming menghantar utusan ke Melaka. Selain itu melalui hubungan luar dilaksanakan melalui perkahwinan. Seterusnya hubungan luar juga dilaksanakan melalui persahabatan.

Calon dapat menjelaskan satu bentuk hubungan luar pada zaman Kesultanan Melayu Melaka, iaitu hubungan persahabatan dengan negara China.

### Soalan 9 (b)

(b) Huraikan faktor penggubalan dasar luar negara Malaysia.

Calon dikehendaki menghuraikan faktor penggubalan dasar luar negara Malaysia.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(b) Faktor penggubalan dasar luar Malaysia yang pertama ialah ikatan sejarah negara kita. Contohnya, ikatan sejarah dan bangsa dengan negara Indonesia atau Singapura. Malaysia juga mempunyai ikatan sejarah dan keagamaan dengan Arab Saudi atau Iraq. Malaysia pula mempunyai ikatan sejarah dan kemerdekaan dengan Komanwel. Faktor tersebut yang kedua ialah keperluan nasional. Malaysia menjadi tumpuan utama yang strategik di rantau Asia Tenggara. Kepentingan kemajuan ekonomi dan pertahanan menyebabkan Malaysia mengamalkan dasar berkecuali dan terbuka. Faktor tersebut yang ketiga ialah melahirkan kepimpinan. Pemimpin yang membawakan akan menentu hala tuju negara. Pemimpin tersebut perlu peka terhadap ~~isu~~ perubahan dan perkembangan isu antarabangsa.

Calon dapat menghuraikan faktor penggubalan dasar luar negara Malaysia dengan tepat.

#### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

b) Antar faktor penggubalan dasar Malaysia ialah ikatan sejarah. Selain itu ialah faktor keagamaan. Faktor seterusnya ialah untuk kepentingan ekonomi. Faktor lain yang mempengaruhi dasar luar Malaysia ialah dari segi geografi.

Calon dapat menyatakan empat faktor penggubalan dasar luar negara Malaysia tanpa huraian. Antaranya ialah ikatan sejarah, faktor keagamaan, kepentingan ekonomi dan faktor geografi.

### Soalan 9 (c)

- (c) Mutakhir ini tersebar berita di mana kapal-kapal perang China dan Amerika sedang berlegar di Laut China Selatan sehingga dikatakan mengganggu kerja penggalian minyak oleh Petronas.

Sumber: <https://ismaweb.net/2020/04/24>

Jika anda sebagai pemimpin negara, bagaimanakah cara untuk menangani situasi di atas?

Beri penjelasan anda.

Calon dikehendaki mencadangkan cara untuk menangani situasi kapal perang China dan Amerika yang sedang berlegar di Laut China sehingga dikatakan mengganggu kerja penggalian minyak oleh Petronas.

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Tinggi

(c) Jika saya sebagai pemimpin negara, cara untuk menangani situasi di atas adalah dengan menetapkan kawalan di sempadan negara. Contohnya, meminta Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) untuk lebih kerap ronda di kawasan Laut China Selatan. Hal ini dikatakan demikian untuk mengelakkan orang luar menceroboh masuk ke dalam kawasan perairan negara. Dengan itu, keselamatan dan kerja-kerja di kawasan perairan negara akan lebih terjamin dan kerja-kerja penggalian minyak oleh Petronas dapat berjalan dengan lancar. Selain itu, cara lain untuk menangani situasi di atas ialah dengan menjatuhkan hukuman

yang setimpal kepada orang yang didapati bersalah menceroboh kawasan perairan negara. Hal ini untuk mengelakkan penggalian minyak oleh Petronas yang dapat meningkatkan pendapatan negara

Calon dapat mencadangkan dua cara untuk menangani situasi tersebut beserta huraian yang lengkap dan contoh yang sesuai. Antaranya ialah menetapkan kawalan sempadan dan menjatuhkan hukuman yang setimpal

### Contoh Jawapan Calon Prestasi Sederhana

(c) Jika saya sebagai pemimpin negara, cara untuk menangani isu di atas ialah dengan menghantar pasukan tentera bagi meninjau kawasan tersebut. Selain itu, mengadakan perjumpaan dengan pemimpin negara China dan Amerika tentang hal tersebut. Seterusnya, memperketatkan kawasan perairan di seluruh Malaysia. Sebagai contoh, membuat rondaan dan pemeriksaan pada kapal-kapal yang hendak memasuki Malaysia. Akhir sekali, meminta kepada rakyat supaya tidak menyebarkan apa-apa maklumat yang belum dipastikan kesahihannya di media sosial ataupun di mana-mana.

Calon dapat mencadangkan dua cara untuk menangani situasi tersebut. Antaranya ialah menguatkan kawalan tentera berserta huraian manakala cara perjumpaan dengan pemimpin negara terlibat tanpa huraian.

## 2.5 CADANGAN/SYOR BAHAGIAN B

### 2.5.1 Calon

- a) Calon disarankan menjawab soalan yang boleh menjamin pemerolehan markah yang maksimum kepada calon terlebih dahulu dan bukannya mengikut urutan nombor soalan yang dipilih.
- b) Jawapan calon sebaik-baiknya ditulis dalam bentuk perenggan dan dengan ayat yang lengkap serta gramatis terutamanya bagi soalan esei. Setiap isi seharusnya dihuraikan dengan lengkap berserta contoh-contoh yang sesuai.
- c) Calon digalakkan menulis menggunakan laras bahasa yang mudah difahami dan gramatis. Tulisan calon perlulah bersih dan senang dibaca oleh pemeriksa. Ini memudahkan pemeriksa untuk mengenal pasti fakta, huraian, contoh dan bukti yang dikemukakan calon dalam jawapannya.
- d) Calon perlu memahirkan diri dengan soalan berbentuk KBAT kerana biasanya soalan KBAT diperuntukkan markah yang agak banyak. Isu-isu semasa perlu dikuasai oleh calon bagi memudahkan calon menjawab soalan-soalan KBAT. Calon juga perlu berusaha untuk mengeluarkan idea yang bernas bagi menjawab soalan KBAT.

### 2.5.2 Guru

- a) Pengajaran dan pembelajaran perlu meliputi DSKP. Guru perlu memastikan murid menguasai setiap tajuk yang terdapat dalam buku teks Sejarah KSSM Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.
- b) Murid perlu didedahkan dengan cara menjawab soalan yang betul dan tepat. Oleh itu, bagi jawapan soalan Bahagian B, guru perlu memastikan murid menggunakan sistem perenggan sewaktu mengarang jawapan dan menulis nombor dan pecahan soalan.
- c) Guru mestilah memastikan murid tidak menjawab soalan dalam bentuk 'point form' kerana jawapan dalam bentuk tersebut akan menjejaskan markah.
- d) Guru hendaklah merancang PdP terutamanya menyelesaikan sukatan mata pelajaran secepat mungkin supaya ulang kaji dan latih tubi yang berkesan dapat dilaksanakan.
- e) Guru mestilah mengajar berdasarkan pendekatan berpusatkan murid dan tidak berpusatkan guru. Guru perlu mengenal pasti kelemahan murid supaya kelemahan tersebut dapat diperbaiki.
- f) Guru perlu menjadikan subjek Sejarah sebagai satu subjek yang menyeronokkan dan cuba tingkatkan minat murid terhadap subjek ini menerusi kaedah PdP yang menarik. Sehubungan itu, guru boleh menggalakkan pelajar melaksanakan proses penemuan dan penyiasatan sendiri bagi mencari maklumat-maklumat yang berkaitan dengan sejarah.
- g) Guru seharusnya memberi pendedahan kepada murid berkaitan soalan yang berbentuk KBAT seawal di Tingkatan Satu. Ini membolehkan murid mengaplikasikan kaedah menjawab soalan-soalan KBAT dalam setiap peperiksaan di peringkat sekolah bagi mengenal pasti tahap penguasaan murid.
- h) Guru seharusnya melatih murid kaedah untuk menyampaikan huraian fakta secara berlapis-lapis atau selengkapnya terhadap setiap fakta yang dikemukakan oleh murid terutamanya untuk soalan esei.

# *Penghargaan*

## **PENASIHAT:**

DATO' HJ. PKHARUDDIN BIN HJ. GHAZALI

## **PENGERUSI:**

DR. MOHD AZAM BIN AHMAD

## **URUS SETIA:**

PUAN HJH. JURaida BINTI UMAT

DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB

DR JAIN BIN CHEE

PUAN SITI ASMAH BINTI MD YUSOF

PUAN NOR ZULAIKHA BIN CHE MAT

ENCIK HAPIZI BIN MISKAM

PUAN LAILY FAZLIN BINTI DATO SRI KHAIRIL

## **EDITOR:**

ENCIK MOHD FATHI BIN ADNAN (KETUA EDITOR)

PUAN NORAZAH BINTI BIDI (PEN. KETUA EDITOR)

PUAN FAIZAH BINTI SAMAD

ENCIK IZZAT ISMAIL BIN IDRIS

CIK NORHAYATI BINTI YAHAYA

PUAN SUZARINA BINTI SUHOD

## **PANEL PENULIS:**

KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 1

KP & KPB BAHASA MELAYU SPM KERTAS 2

KP & KPB BAHASA INGGERIS SPM KERTAS 2

KP & KPB SAINS SPM KERTAS 2

KP & KPB SEJARAH SPM KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK SPM KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 1

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN SPM KERTAS 2